

Koizumi setuju Universiti ASEAN-Jepun di Malaysia

UM 12 JAN 2002

KUALA LUMPUR 11 Jan. — Jepun menyambut baik tawaran Malaysia untuk menjadi tuan rumah Universiti ASEAN-Jepun yang dicadang penubuhannya bagi menampung keperluan pembangunan sumber manusia di rantau ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakan sejawatannya dari Jepun, Junichiro Koizumi menyambut baik cadangan itu.

“Beliau menyambut baik (cadangan itu) dan berkata pegawai-pegawai (Jepun) akan bincang (perkara itu) dengan lebih lanjut lagi,” jelasnya kepada pemberita selepas merasmikan Dewan Muda, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) di sini hari ini.

Dr. Mahathir ditanya pendirian Koizumi berhubung cadangan penubuhan universiti berkenaan di negara ini.

Koizumi adalah dalam rangka lawatan selama dua hari ke negara ini bermula semalam.

Penubuhan Universiti ASEAN Jepun dicadangkan oleh Dr. Mahathir pada Sidang Kemuncak ASEAN di Brunei, November lalu, yang turut dihadiri Koizumi.

Cadangan itu sejajar dengan kerjasama

pendidikan dan pembangunan sumber manusia seperti disarankan dalam mesyuarat ASEAN+3 (Jepun, Korea Selatan dan China) ketika itu.

Dr. Mahathir berkata, beliau membuat cadangan itu memandangkan kos untuk menghantar pelajar-pelajar negara ini belajar di Jepun adalah terlalu tinggi.

“Sesetengahnya (kos) dibiayai oleh Jepun dan sesetengah lagi oleh kita, kerana kos tinggi jumlahnya (penghantaran pelajar) tidak dapat ditingkatkan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau mencadangkan Malaysia menjadi tuan rumah penubuhan universiti itu kerana kos pendidikan di negara ini agak rendah.

Menurut beliau, negara matahari terbit itu boleh menghantar tenaga pengajar mereka untuk berkhidmat di universiti itu yang kemungkinan menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantarnya.

Dr. Mahathir berharap dengan penubuhan universiti itu di Malaysia, lebih ramai pelajar-pelajar di negara ini dapat melanjutkan pelajaran mereka di bidang mekanikal dan teknologi.